

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

- a. langkah susulan Kementerian atas Projek PSR apabila pampasan yang diterima nelayan tidak setimpal dengan kesan yang bakal ditanggung dalam jangka masa 30 tahun; dan
- b. adakah Kementerian bercadang memenuhi tuntutan kelengkapan dan peralatan nelayan contohnya kapal berkapasiti tinggi.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. *Penang South Reclamation (PSR)* merupakan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menebus guna 1,821.085 hektar kawasan laut bagi membina tiga pulau buatan. Projek PSR ini bertujuan menjana pembangunan ekonomi negeri dan membiayai pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP). Difahamkan jangka masa projek tebus guna adalah selama 15 tahun dan keseluruhan projek dijangka siap antara 30 hingga 50 tahun. Projek ini dijangka akan menjelaskan sumber perikanan dan pendapatan seramai 4,996 nelayan dan 511 penternak akuakultur marin di Pulau Pinang.

2. Bagi menjawab pertanyaan mengenai langkah susulan Kementerian sekiranya pampasan yang diterima oleh nelayan tidak setimpal dengan kesan yang bakal ditanggung dalam jangka masa 30 tahun, Kementerian akan memperluaskan program-program sedia ada bagi meningkatkan pendapatan nelayan. Program-program ini dijangka dapat meningkatkan pendapatan nelayan antara RM500 hingga RM700 sebulan. Antara program-program tersebut adalah seperti berikut:
 - Memperkenalkan program tanaman kontan seperti cili, nanas dan jagung bijian yang merupakan tanaman singkat masa dan tidak melebihi satu tempoh penanaman di kalangan nelayan yang terbabit.
 - Projek ternakan akuakultur dalam sangkar secara berkelompok dan berskala besar.
 - Program industri hiliran dan agropelancongan yang berasaskan perikanan bagi mempelbagaikan aktiviti ekonomi nelayan.

3. Manakala bagi pertanyaan mengenai adakah Kementerian akan memenuhi tuntutan kelengkapan dan peralatan nelayan, Kementerian menyokong agar tuntutan ini dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Kementerian difahamkan Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang ada membuat tuntutan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pemberian bot moden kepada nelayan yang terkesan.
4. Tuntutan ini adalah selari dengan hasrat Kementerian untuk mentransformasi penggunaan bot kayu tradisional kepada bot fiber yang lebih moden dan selamat kepada nelayan tradisional pesisir pantai. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah menyediakan Program Pinjaman Mudah Dana Nelayan dengan bantuan pembiayaan berjumlah RM1,000 hingga RM70,000 bagi pembelian baharu, pumbaikan enjin serta peralatan menangkap ikan dan penggantian kulit bot kepada nelayan pesisir pantai.
5. Manakala bagi nelayan komersial, mereka digalakkan untuk menerokai kawasan penangkapan ikan di laut dalam yang lebih jauh dengan lebih moden dan selamat. Bagi tujuan ini, Garis Panduan Panduan Pemodenan Vesel Penangkapan Ikan telah disediakan selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh *International Maritime Organization (IMO)*, *International Conventions* dan *International Association of Classification Societies (IACS)*.

Sekian, terima kasih.